

Selasa, 29 Oktober 2019 | 12:46pm



MUHAMAD Zikril Azan menyerahkan plat tanda harga merah jambu khas kepada peniaga pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019 di Pasar Awam Pasir Penambang, hari ini. - Foto Ruwaida Md Zain

## KPDNHEP Selangor sediakan plat merah jambu tahan lasak

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**KUALA SELANGOR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor mengambil inisiatif menyediakan plat merah jambu khas kepada peniaga di Selangor.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata plat merah jambu yang diperbuat dari material akrilik itu ditempah khas untuk kegunaan peniaga bagi barang kawalan pada musim perayaan.

"Pada plat yang bersaiz 15cm x 7.5cm itu, tertera perkataan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan dan di bawahnya tanda Ringgit Malaysia (RM).

"Penggunaan plat merah jambu seperti ini tidak diwajibkan, tapi tanda harga merah jambu wajib digunakan walaupun menggunakan kertas biasa.

"Bagaimanapun, tujuan kami mengagihkan plat ini kerana kami berpandangan ia tahan lama, kalis air, tak mudah rosak, senang dilihat, boleh dipadamkan, boleh digunakan dalam jangka masa lama pada musim perayaan akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019 di Pasar Awam Pasir Penambang di sini, hari ini.

Muhamad Zikril Azan berkata, peniaga boleh menjadikan plat merah jambu disediakan itu sebagai contoh plat tanda harga tahan lama untuk diguna pakai.

"Biasanya, kita lihat peniaga pasar basah ini, mereka hanya menggunakan kertas yang cepat koyak, rosak dan mudah tanggal tulisan atau tenggelam di dalam barang yang dijual.

"Jadi ini inisiatif kami untuk membantu mereka di mana setiap peniaga diberikan dua keping plat merah jambu, jika perlu peniaga boleh tambah sendiri mengikut jumlah barangan kawalan musim perayaan yang mereka jual," katanya.

"Sebanyak 500 keping pada fasa pertama diagihkan sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019 yang akan tamat 2 November.

"Bagi fasa kedua pula pada perayaan Krismas pada Disember depan juga sebanyak 500 keping bagi kemudahan peniaga meletakkan tanda harga bagi barangan yang dikawal di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan," katanya.